Usahawan muda 'startup' manfaatkan skim ESG

ATIYYAH MOHD SAID atiyyahm@sph.com.sg

SOKONGAN padu bagi menyemarakkan sektor pemula (*startup*) di Singapura telah melahirkan ramai peniaga baru termasuk usahawan muda Melayu/Islam. Di bawah program *Membina Perniagaan* Skim Pengasas Syarikat Pemula SG yang diperkenalkan En-terprise Singapore (ESG), seramai 300 individu di-sokong termasuk Encik Hafiz Kasman yang mem-bentuk firma pemula Kinobi, dan Encik Muhammad Fadhil Kamal yang membentuk firma Paratlas yang Fadhil Kamal yang membentuk firma Paratlas yang menghasilkan aplikasi untuk latihan realiti terimbuh (AR).

(AK). Program Membina Perniagaan diumumkan Ogos lalu bagi memupuk usahawan yang beraspirasi tanpa pengalaman niaga untuk membina dan mengembang-kan syarikat pemula inovatif. Menurut Encik Hafiz, wadah Kinobi dibangunkan Jun tahun lalu dengan bantuan geran bernilai \$50,000 di bawah Geran Pengacas Startun SG. di samping sun-

di bawah Geran Pengasas Startup SG, di samping sun-tikan dana daripada beberapa pelabur budiman. Setelah beberapa tahun menjadi pembimbing kepa-

da pelajar, Encik Hafiz perhatikan ramai mahasiswa berdepan dengan ketidaktentuan apabila melangkah ke dunia pekerjaan Keldaktentuan apana metangkan untuk golongan ini, beliau terdorong untuk memula-kan wadah digital itu yang dapat membantu mereka. Lantaran itu, Encik Hafiz, 29 tahun, meninggalkan abasiran menunggalkan

pekerjaan sepenuh masa dan mengasaskan Kinobi – yang menghasilkan wadah mempercepatkan kerjaya – pada Oktober lalu bersama dua rakannya, Encik Benjamin Wong dan Encik Joshua Phua, yang turut

berhenti kerja sepenuh masa. Sebagai individu pertengahan kerjaya yang beralih ke bidang keusahawanan, ia tentunya mencabar, kata

Encik Hafiz, yang meninggalkan pekerjaan sebagai sekutu pembangunan di sebuah syarikat pemula. "Bukannya mudah untuk mencari kumpulan atau masyarakat seperti kami sendiri. Selain itu sokongan

masyarakat seperti kami sendiri. Selain itu sokongan juga bukan mudah untuk diperolehi. "Apatah lagi di sini membina syarikat pemula masih sesuatu yang baru dan tiada model yang stan-dard. Berbanding dengan negara lain seperti Amerika Syarikat, yang memiliki sektor lebih matang akses ke-pada pembimbing di sini adalah berkurangan," ujar-nya yang mujur mendapat sokongan kukuh daripada keluarga. Hasil kerja kerasnya wadah itu wang hini memiliki

keluarga. Hasil kerja kerasnya, wadah itu yang kini memiliki sekitar 2,000 pengguna percuma dan sudah diluaskan ke Indonesia pada Disember lalu. Malah, menurut lulusan bidang perniagaan dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU) itu, pasukan-nya merancang untuk menerokai pasaran luar yang baru. "Buat masa ini, sambutan di Indonesia agak meng-calaklam dangan kebih 20 duku jangang dan kempura

galakkan, dengan lebih 20 duta jenama dan kampus. Kami pilih Indonesia kerana ia adalah pasaran terbesar di Asia Tenggara dengan pasaran pendidikan

besar di Asia Tenggara dengan pasaran pendidikan yang juga luas. "Seterusnya, kami berharap untuk mengembang-kan perniagaan ke negara Asia lain tahun ini, sama ada Filipina atau Thailand setelah pandemik sudah re-da asali ti " da sedikit."

ESG berkata sebanyak 80 peratus daripada mereka merupakan golongan pertengahan kerjaya dari pel-bagai latar belakang termasuk pendidikan, pelayanan dan teknologi, dan bakinya adalah lulusan baru dalam bidang perniagaan, kejuruteraan dan analitik data, de-ngan majoriti berusia 21-30 tahun.

Rintis syarikat pemula hasil aplikasi latihan realiti terimbuh - Muka 8

IDON Kinobi Kinobi

BINA NIAGA: Encik Hafiz (tengah), yang bergambar bersama rakan pengasasnya, Encik Benjamin Wong (duduk, kiril) dan Encik Joshua Phua, meninggalkan pekerjaan yang stabil untuk menggerakkan idea perniagaannya sepenuh masa. – Foto BH oleh KUA CHEE SIONG